

## Kesaksian Hamran Ambrie

Kesaksian yang luar biasa dari bekas imam masjid yang terkenal di era 60-an.

### TUHAN MEMBERITAHU SAYA SECARA PERIBADI

Pada waktu dahulu saya merupakan seorang yang amat aktif dalam Islam, juga merupakan salah seorang daripada Pengerakkan Muhammadiyah dan seorang pengajar Islam. Pada tahun 1947, saya telah dipilih untuk menjadi pengerusi kepada Kongress Muslim Kalimantan di Amutai, bersama-sama dengan K.H Idham Chalid. Pada tahun 1950-51 saya menjadi Imam Muslim bagi pasukan tentera di Banjarmasin, dengan kedudukan yang tinggi. Rencana saya telah diterbitkan dalam beberapa majalah Islam seperti Mingguan Adil di Solo, Mingguan Risalah Jihad di Jakarta dan Mingguan Anti-komunis di Bandung.

Saya telah bekerjasama dengan Gerakkan Anti-Kristian dari tahun 1936 di Muara Teweh (Barito) dan sehingga tahun 1962 bersimpati dengan kumpulan yang merancang untuk membina undang-undang Islam di seluruh Indonesia, yang mana secara tidak langsung adalah bertentangan dengan pendirian Kristian. Sebenarnya saya telah memiliki Kitab Suci Injil sendiri semenjak tahun 1936. walau bagaimanapun, saya tidak membaca dan mencari kebenarannya, tetapi mencari perenggan yang boleh membantu saya untuk berdiri teguh sebagai seorang Muslim yang mempunyai sikap anti-Kristian, dan bersedia untuk menyerang keimanan orang Kristian secara lebih berkesan. Saya juga menentang 'Isa Al-Masih sehingga saya berumur 40 tahun, menolak terus yang mengatakan Dia adalah daripada Tuhan. Saya sengaja mentertawakan dan menolak kebenaran. Tetapi kasih Tuhan sungguh hebat, Dia berusaha, mencari dan menyelamatkan saya. Dalam tahun 1961, semasa saya mencatat khotbah saya di masjid, saya melihat ayat daripada surah Al-Maidah 68, yang berbunyi: "Katakanlah, wahai orang yang beriman! Kamu tidak mempunyai apa-apa kecuali kamu berpegang kepada Taurat dan Injil, dan semua ini akan membuka mata kamu kepada Tuhan kamu." Saya sudah membaca ayat ini beratus kali, tetapi akhirnya Tuhan telah berbisik kepada jiwa saya tentang "Taurat dan Injil" yang mana tertulis di dalam Al-Quran adalah sama Taurat dan Injil yang terdapat di dalam Kitab Suci Injil sekarang. Saya selalu berpendapat bahawa Taurat dan Injil yang terdapat dalam Al-Quran telah lenyap, dan kandungan ini adalah ringkasan di dalam Al-Quran.

Saya merasa yakin bahawa Taurat dan Injil, yang terdapat dalam Kitab Suci Injil sekarang adalah palsu, dan kandungan yang sebenar telah disalah-atur dan dilupakan serta ditambah-tambahkan oleh sesetengah pihak. Bagaimanapun, jiwa saya memberitahu saya bahawa Taurat/Injil yang ada di dalam Al-Kitab sekarang adalah benar. Fikiran saya tidak percaya apa yang dikatakan oleh hati saya: "Tidak! Taurat dan Injil yang ada di dalam Al-Kitab sekarang adalah palsu." Fikiran saya bertentangan dengan jiwa saya dan perasaan saya, dan saya menjadi tidak pasti serta ragu-ragu terhadap apa yang betul sebenarnya. Untuk membuatkan jiwa saya merasa aman, saya menyerahkan masalah saya ini dengan melakukan sembahyang tahjud, yang mana sembahyang ini adalah untuk meminta pertolongan daripada Tuhan agar Dia memberi petunjuk yang pasti kepada kebenaran. Saya meminta Tuhan menolong saya untuk memilih yang mana satu daripada dua kepercayaan ini yang benar. Ini adalah doa saya: "Oh Tuhan, Pencipta Syurga dan bumi, Tuhan orang Islam, Kristian, Budha, Tuhan bulan dan bintang, lembah dan gunung; Tuhan semesta alam, tolong tunjukkan aku kebenaran tentang apa yang tertulis di dalam Al-Quran yang berkaitan dengan Taurat dan Injil. Adakah ini membawa makna bahawa Taurat dan Injil yang sebenar sudah lenyap yang terdapat ringkasan dalam Al-Quran? Jika ini adalah benar, aku merayu kepadaMu untuk kuatkan hatiku bahawa aku mungkin tidak belajar Kitab Suci Injil. Tetapi jika kebenaran di dalam Taurat dan Injil yang tertulis di dalam Al-Quran, bermakna kebenaran harus dicari di dalam Kitab Suci Injil sekarang, aku merayu padaMu untuk membuka pintu hatiku semoga aku lebih bersungguh-sungguh untuk belajar Kitab Suci Injil secara jujur."

Saya tidak bertanya kepada sesiapa pun untuk menolong saya membuat keputusan saya. Saya tidak bertanya kepada Imam, orang yang alim dalam Islam, atau kawan-kawan saya yang bijak pandai. Saya bertanya terus kepada Tuhan yang Maha Tahu untuk membuat pilihan bagi saya, jadi saya membuat pilihan yang betul menurut kehendak Tuhan. Saya

sembahyang sesungguhnya dan menaruh harapan kepada Tuhan agar Tuhan memberi petunjuk dan hidayah bahwa Dia yang memilih kebenaran untuk saya dan menolong saya mengetahui dan mengaku kepada agama yang benar. Setiap orang yang mempunyai agama berharap bahwa di sana terdapat kehidupan yang benar selepas mati dan salah seorang daripada mereka adalah saya, saya menaruh harapan yang tinggi kepada Tuhan. Saya percaya kepada kehidupan selepas mati, di mana kita cuma ada dua tempat untuk dituju: ke neraka, dengan hukuman yang tidak berhenti kekal abadi di dalam api; atau ke Syurga, bersama dengan Tuhan dalam kemuliaan selama-lamanya. Saya tidak fikir tentang kehidupan abadi saya. Sebagai contohnya; mari kita andaikan bahawa kita membawa 10 gram emas tulin, kita harus menelitinya secara berhati-hati, untuk memastikan bahawa tidak ada sesiapa yang boleh menipu kita, jadi kita tidak akan menyesal di kemudian hari. Berapa banyak agaknya kita memikirkan tentang kehidupan masa depan jiwa kita. Kita mesti belajar dan meneliti kebenaran untuk sembahyang kepada Tuhan menurut kehendak Tuhan, yang memiliki kehidupan di Syurga. Kalau tidak, kita akan menyesal untuk selama-lamanya kerana kecuaiannya. Saya selalu yakin bahawa pencipta Syurga dan neraka adalah Tuhan sendiri, atas sebab itulah saya tidak bertanyakan nasihat kepada sesiapa pun, samada Kristian atau Guru Islam. Saya mendekati Tuhan, yang memiliki segala kebenaran, peraturan, dan merayu kepadaNya dengan penuh harapan dan percaya bahawa Dia akan memberi petunjuk yang benar kepada saya.

Â

Puji Tuhan kerana segala doa saya telah dikabulkannya! Ini membuktikan bahawa Dia memberikan kebenarannya kepada orang yang menghendaknya, dan bertanya dengan sesungguhnya. Ini harus dicatat, selain daripada ayat 68 surah Al-Maidah, di mana terdapat banyak lagi ayat-ayat lain yang terkandung di dalam Al-Quran, yang menarik hati saya pada waktu itu. Sebagai contohnya; Surah Al-Sajadah 23: "Dan pastinya kami memberikan Musa sebuah Kitab (Taurat), jadi adakah kamu (Muhammad) ragu-ragu untuk menerimanya," Surah Al-Maidah 46: "Dan kami biarkan mereka (nabi-nabi yang terdahulunya) mengikut jejak Isa, anak Maryam, memenuhi apa yang ada di tangannya daripada Taurat. dan kami memberi Dia kitab yang mengandungi petunjuk dan cahaya, dan mengesahkan apa yang ada di tangannya yang daripada Taurat, sebagai petunjuk dan amaran kepada orang yang takut kepada Tuhan." Surah Al-Maidah 47: "Dan orang di dalam Kitab harus mengikut apa yang telah ditentukan mengikut kehendak pernyataan Tuhan itu. Dan sesiapa yang tidak mengikut apa yang telah ditetapkan oleh Tuhan, adalah orang yang busuk hati," Surah Al-Baqarah 62: "orang yang benar daripada Yahudi, Kristian dan Sabian, sesiapa yang percaya kepada Tuhan dan hari kiamat, melakukan amalan yang baik, mereka akan mendapat pahala daripada Tuhan mereka, dan ketakutan tidak akan mendesak mereka berputus asa." Di sana terdapat banyak lagi ayat di dalam Al-Quran yang menunjukkan bahawa Taurat dan Injil adalah jalan yang benar kepada kebenaran menurut kehendak Tuhan. Ayat Al-Quran ini memberi kesedaran kepada saya untuk meneliti Kitab Suci Injil dengan lebih mendalam lagi, kerana Tuhan telah berbisik kepada jiwa saya tentang kebenaran ini. Pada hari yang berikutnya, selepas saya meminta petunjuk daripada Tuhan semasa sembahyang tahjud, saya merasakan satu perubahan yang jelas pada diri saya. Bermula dari hari itu saya menganggap Kitab Suci Injil adalah seperti rakan saya dan bukan lagi sebagai musuh. Setiap pagi saya melihat Kitab Suci Injil dengan penuh harapan dan memberi perhatian pada setiap perkataan yang saya baca, kerana saya mahu tahu makna yang sebenarnya. Dengan perkataan: "Dengan nama Allah yang Maha Pengampun lagi Maha Pengasihani". Saya membuka Kitab Suci Injil. Pada masa itu saya bertujuan untuk membaca Ulangan 18:15. Kitab ini menarik perhatian saya kerana pada waktu dahulunya saya menggunakan ayat ini untuk menyerang keimanan orang Kristian, samada mereka adalah guru, Penginjil, dengan niat supaya mereka tahu dan percaya kepada Nabi Muhammad sebagai nabi yang telah diramalkan di dalam Kitab Suci Injil ini. Sebelum ini saya sudah tahu tentang ayat ini, tetapi sekarang maknanya telah berubah sama sekali kepada saya. Sebenarnya untuk memahami Kitab Suci Injil lama adalah sukar bagi orang yang tidak mahu mempercayainya, tetapi dari segi yang lain pula ia menjadi lebih jelas kepada orang yang mahu mempercayainya dan hati mereka yang telah disentuh oleh Roh Kudus.

Â

Ayat-ayat di dalam Ulangan 18:15 dibaca seperti: "Sebaliknya Tuhan, Allah kamu akan mengutus seorang nabi kepada kamu; nabi itu akan seperti aku dan Dia daripada bangsa kamu sendiri; kamu mesti taat kepadanya." Dahulunya saya menganggap ayat ini memberi ramalan tentang nabi Muhammad. Perkataan "nabi itu akan seperti aku (Musa)" menunjukkan kepada saya tentang peribadi nabi Muhammad sebagai janji nabi kerana: "Musa dilahirkan mempunyai ibubapa. Muhammad juga dilahirkan seperti Musa, mempunyai ibubapa. Ini tidak seperti Isa Al-Masih yang dilahirkan hanya mempunyai ibu dan tanpa bapa. Apabila Musa meningkat dewasa, dia berkahwin. Muhammad juga berkahwin, dan ini bertentangan dengan Isa yang tidak pernah berkahwin. Musa mempunyai anak lelaki, dan Muhammad juga mempunyai ramai anak. Tetapi Isa tidak mempunyai keturunan kerana Dia tidak pernah berkahwin. Musa meninggal pada umur yang lanjut dan dikuburkan dan ini terjadi juga pada Muhammad. Tetapi Isa tidak meninggal. Dia telah diangkat ke Syurga dan tidak dikuburkan. Dahulunya ia menjadi jelas kepada saya tentang ayat Ulangan 18:15 yang menunjukkan bahawa nabi Muhammad adalah nabi yang dijanjikan oleh Musa, tetapi bukannya ramalan terhadap Isa sebagai nabi keseluruhannya, sebagai Putera Tuhan, seperti kepercayaan orang Kristian. Tetapi pada hari ini, saya membaca ayat ini secara perlahan-lahan dan berhati-hati untuk memahami makna yang sebenarnya. Apabila saya sampai kepada pernyataan "nabi itu akan seperti aku (Musa)", Roh Kudus berbisik ke dalam jiwa saya yang berbunyi: "Jika kamu mentafsirkan persamaan di antara Muhammad dan Musa dan kedua-duanya adalah dilahirkan mempunyai ibubapa, mereka adalah sama dengan manusia lain yang mempunyai ibubapa." Sifat ini tidak boleh digunakan untuk menunjukkan kebenaran ramalan itu. Selanjutnya jika Muhammad seperti Musa kerana dia berkahwin, dan kedua-duanya adalah seperti orang lain di dunia ini! Jadi ini tidak boleh dijadikan sebagai bukti untuk mengatakan bahawa

Muhammad itu adalah nabi. Jika Muhammad dianggap sama seperti Musa, kerana dia mempunyai keturunan, fakta ini juga tidak boleh digunakan untuk menentukan ramalan itu kerana hampir semua orang di dalam dunia ini mempunyai keturunan. Muhammad hanya seperti Musa, meninggal dalam usia yang tua dan dikuburkan. Jika contoh ini digunakan sebagai bukti tentang ramalan itu, dan fakta ini tidak boleh digunakan sebagai bukti untuk persamaan, setiap orang di dunia ini akan meninggal dan dikuburkan. Kematian dan penguburan adalah perkara biasa dan ini tidak menjadikan seseorang itu lain daripada yang lain. Ia menjadi lebih ketara dan jelas kepada saya bahawa ramalan Musa itu hanya menunjukkan tentang Isa sebagai yang dijanjikan. Dengan alasan itu saya cuba mencari suatu perbezaan yang lain daripada yang lain dan luarbiasa persamaannya di antara Musa dan Isa. Sememangnya saya menemui beberapa persamaan yang luarbiasa di antara dua manusia ini yang tidak dikongsi dengan orang lain. Semasa zaman kanak-kanak, Firâ€™aun mengugut untuk membunuhnya, seperti juga Isa pada zaman kanak-kanaknya telah diugut untuk dibunuh oleh Herodas. Tidak semua orang yang dilahirkan menghadapi ugutan bunuh pada waktu yang masih kecil lagi. Semasa kelahiran Musa, Firâ€™aun sangat marah dan mengarahkan semua budak-budak lelaki yang berusia dua tahun ke bawah harus dibunuh. Apabila Isa dilahirkan, Herodas juga sangat marah dan mengarahkan agar budak lelaki di bawah umur dua tahun dibunuh. Di dalam dunia ini hanya dua peribadi ini sahaja yang menghadapi pengalaman pembalasan dendam. Semasa zaman kanak-kanaknya, Musa telah dijaga oleh anak perempuan Firâ€™aun. Dan semasa kecil Isa telah dijaga oleh Yusuf iaitu bapa angkatnya. Tidak semua anak di dunia ini dipelihara oleh orang yang dipilih oleh Allah semasa zaman kanak-kanaknya ketika dia menghadapi ancaman. Semasa zaman kanak-kanaknya juga, Musa tinggal jauh daripada rumahnya di Mesir. Ini terjadi sama dengan Isa yang hidup di dalam buangan di Mesir. Tidak semua kanak-kanak semasa kecil hidup jauh daripada negerinya, seperti Mesir. Apabila Musa telah menjadi utusan Tuhan, dia menerima kuasa daripada Tuhan untuk melakukan mukjizat, seperti juga Isa yang menerima kuasa sebagai Firman yang hidup, dan menerima kuasa untuk melakukan mukjizat seperti menyembuhkan orang sakit dan membangunkan orang yang telah mati. Musa telah membebaskan orangnya daripada dipaksa terus menjadi hamba abdi, tetapi Isa telah membebaskan orangnya daripada cengkaman dosa dan maut.

Bukti yang istimewa ini telah mengizinkan saya untuk saya membuat kesimpulan bahawa ramalan yang luarbiasa yang dinyatakan ini di dalam Ulangan 18:15 tidak bermaksud untuk membuktikan Muhammad sebagai nabi yang telah diberitahu terlebih dahulu, tetapi untuk menunjukkan bahawa Isa adalah jelmaan Firman Allah.

Â

Meskipun kasih Allah itu sangat agung dan Dia telah menyedarkan saya untuk melihat dengan lebih jelas lagi ke dalam Kitab Suci Injil sebagai Firman Allah yang benar, tetapi saya masih lagi tidak bersedia untuk menjadi seorang Kristian. Mengapa? Kerana terdapat beberapa perkara di dalam kepercayaan Kristian yang tidak dapat diterima oleh akal saya, khususnya kepercayaan terhadap Isa adalah Putera Tuhan. Semenjak kecil lagi saya telah diajar, dan saya juga mengajar sedemikian, iaitu: "Tuhan tidak mempunyai anak dan Dia tidak diperanakkan." Saya juga tidak dapat menyatakan dengan jelas bahawa Isa adalah Tuhan kerana saya telah diajar dan saya juga mengajar seperti: "TIDAK ADA TUHAN MELAINKAN ALLAH." Saya juga bersikap anti Trinitas. Ini tidak berasas kepada hakikat dan kebenaran tetapi sebaliknya dipengaruhi oleh prasangka yang terpesong. Saya telah mengajar murid-murid saya sedemikian: "Kepada sesiapa yang mengatakan Allah itu adalah tiga merupakan orang yang fasik." Saya juga tidak dapat menerima kepercayaan Kristian bahawa Isa benar-benar mati di atas kayu salib. Jika "Isa Al-Masih" adalah nabi, penyayang, utusan Tuhan, atau "Putera Allah" sepertimana orang Kristian memanggilnya, bagaimana dengan senangnya orang Yahudi boleh menyiksanya dan mengantungnya di atas kayu salib sehingga mati? Mengapa Tuhan tidak membela Dia, tetapi membiarkan Dia mati di atas kayu salib? Katakanlah saya mempunyai seorang anak lelaki yang disiksa, atau digantung di atas kayu salib, sudah pastinya saya akan melawan orang yang menyiksa anak saya itu untuk menyelamatkannya walau apa pun yang akan terjadi. Bagaimana boleh Allah hilang kuasaNya terhadap orang Yahudi? Pada masa itu saya benar-benar tidak boleh menerima hakikat ini. Dalam usaha untuk mendapatkan pertolongan untuk keterangan ini, saya melawat beberapa orang guru dan juga Penginjil dan bertanya kepada mereka kenapa Isa bergelar Putera Tuhan atau Tuhan dan apa sebenarnya makna tentang Trinitas Tuhan. Saya menyelidik mengapa Isa Putera Tuhan telah dikorbankan di atas kayu salib dan disalibkan oleh orang Yahudi. Saya juga bertanya kepada mereka tentang kenyataan tentang "dosa warisan daripada bapa kepada anak" yang saya ambil kira bahawa itu adalah hukuman yang tidak adil daripada Tuhan. Â

Semua guru yang saya tanya itu menjawab persoalan saya dan menerangkannya dengan mendalam, tetapi pada masa itu saya tidak dapat menerima ulasan mereka walaupun mereka telah menerangkannya dengan jelas sekali. Ini adalah kerana perbezaan latar belakang di antara saya dengan mereka, yang mana seperti teluk yang terpisah jauh di antara kami. Perbezaan di dalam agama yang tidak dikaji dengan sesungguhnya untuk mencari maksud yang sama, pastinya kami mengkaji perbezaan di antara agama untuk mencari kenyataan yang logik berhubung dengan ketidakfahaman. Pada masa itu saya seperti penerima radio dan guru adalah pembaca berita. Kedua-duanya mempunyai keadaan yang baik, tetapi oleh kerana perbezaan gelombang yang panjang menyebabkan siarannya dan penerimaan saya jauh berbeza. Penerima tidak dapat menangkap berita yang sedang disampaikan oleh penyiar. Keterangan daripada guru dan Penginjil adalah seperti "masuk telinga sebelah kiri dan keluar telinga sebelah kanan. Hati saya tidak tersentuh, kerana saya tidak faham cara pertuturan mereka. Guru itu sendiri tidak memahami dengan jelas kedudukan latar belakang saya sewaktu itu, jadi keterangannya tidaklah menurut keperluan saya seperti yang saya harapkan. Ini bukannya berlaku kerana keterangan guru itu salah, tetapi kerana perbezaan cara pemikiran dan penerangan, jadi sebab

itu saya tidak dapat memahami keterangan yang lain. walau bagaimanapun saya masih berharap. Saya sentiasa yakin, Tuhan akan menolong saya untuk memilih kebenaran, sudah pasti Dia akan membuka pintu hati saya dan memberi petunjuk untuk memahami semua masalah yang menjadi halangan kepada saya.

Â

Saya sentiasa berdoa kepadaNya: "Tuhan, aku merayu agar Engkau menunjukkan kebenaranMu kepadaku tentang perkataan "Putera Tuhan" dan nama "Rabbana" untuk Isa. Aku juga merayu agar Engkau menunjukkan kepadaku Trinitas dan rahsia disebalik penyaliban Al-Masih. Tuhan, Engkau berilah aku pengertian bahawa Kitab Suci Injil adalah daripadaMu yang betul, jadi pastinya Engkau akan menerangkan dan menjelaskan halanganku melalui Kitab Suci Injil, yang mana FirmanMu yang benar yang tidak pernah bertukar daripada awal hingga sekarang dan untuk selamanya.

Sememangnya telah banyak kali, Tuhan menolong saya melalui Roh KudusNya, yang bekerja di dalam hati saya. Saya akan menerangkan bagaimana Tuhan menolong saya untuk mengatasi halangan ini.

## PERJUANGAN SAYA BERTENTANGAN DENGAN KEADAAN PERSEKITARAN

Â Meskipun saya menjadi tetap dan teguh serta yakin tentang kebenaran ini, dan bersedia untuk menerima Isa sebagai penyelamat peribadi saya, tetapi saya tidak menjadi Kristian secara rasmi, kerana keadaan persekitaran yang menjadi halangan kepada saya. Ketakutan dan kebimbangan ini sentiasa menghantui fikiran saya. Pengalaman saya menunjukkan bahawa terdapat ramai orang yang tegas dengan kehendak mereka untuk menerima Isa sebagai penyelamat mereka, tetapi mereka sering teragak-agak untuk menentang pengaruh persekitaran mereka, mungkin kerana mereka tidak rela ataupun takut untuk melawan ibu bapa mereka. Kadang-kadang mereka takut kalau-kalau majikan mereka memberhentikan kerja mereka kerana mereka memeluk Al-Masih. Orang yang percaya juga akan berselisih faham dengan isteri mereka kerana mereka ingin mengikuti Isa bersama-sama dengannya; ini juga merupakan rintangan yang menghalang mereka daripada mengikuti Isa untuk mempengaruhi hidup dan hati mereka. Â

Ketakutan terhadap keadaan sekitar telah ditunjukkan dalam amaran oleh Isa, ditulis dalam Matius 10:34-36. Dia menggambarkan penderitaan yang mungkin dihadapi oleh setiap orang yang mahu mengikutinya: "Jangan menyangka bahawa Aku membawa kedamaian ke dunia ini, Aku tidak membawa kedamaian tetapi pertentangan. Aku datang untuk menyebabkan anak lelaki melawan bapa mereka, anak perempuan melawan ibu mereka, dan menantu mereka melawan ibu mertua mereka. Demikianlah musuh terbesar yang dihadapi oleh seseorang ialah keluarga sendiri." Bagaimanapun mereka yang membuat keputusan untuk mengikuti Isa sebagai Tuhan dan membiarkan Isa mempengaruhi hati mereka, segala kebimbangan adalah tidak berpanjangan. Setiap kebimbangan akan dapat diatasi dengan pertolongan daripada Tuhan. Saya sendiri mempunyai pengalaman dalam menghadapi tekanan dari persekitaran. Tetapi Tuhan selalu membuka jalan untuk keluar daripadanya. Dari 1961 sehingga 1964, saya masih lagi melakukan dua tanggungjawab agama. Saya sembahyang mengikut cara Islam dan pergi ke masjid pada setiap hari Jumaat. Saya juga pergi ke gereja pada setiap hari ahad dan pada hari Sabtu saya pergi sembahyang di Gereja Adventis. Tetapi di luar keyakinan saya, saya tidak pergi ke gereja. Ini adalah kerana untuk saya belajar tentang kebenaran. Saya juga sering membaca risalah-risalah daripada orang bukan Kristian yang mengatakan bahawa orang di dalam gereja menyembah berhala, seperti patung dan gambar. Atas sebab itu saya pergi melawat setiap gereja di sekitar Jakarta mengikut giliran, pada hari ahad. Saya juga melawat lebih daripada satu gereja pada hari ahad, untuk mencari samada terdapat penyembahan patung atau tidak. Akhirnya, saya mendapat kesimpulan dan terbukti bahawa kesangsian saya selama ini sudahpun terjawab. Setiap gereja yang saya lawati tidak terdapat pun berhala atau gambar yang untuk disembah.

Â

Semenjak 1964, jiwa saya sebenarnya sudah dipenuhi dengan Roh Tuhan, Roh Kudus, atau semangat kebenaran. Bermula daripada hari itu saya mengambil keputusan untuk menerima Isa sebagai penyelamat peribadi saya sepenuh hati saya. Tetapi ia masih lemah. Saya tidak berani untuk menyatakan keyakinan saya secara terbuka. Saya masih menyimpan kekristianan saya secara rahsia. Saya melawat gereja kristian di Kwitang Indonesia untuk pertama kali saya bertanyakan tentang pembaptisan secara rahsia, saya tidak mahu ianya diketahui oleh famili ataupun isteri saya. Saya tidak tahu siapa yang menjaga gereja itu, tetapi permintaan saya ditolak, tidak boleh dibaptiskan secara rahsia. Beberapa minggu kemudian, dengan hasrat yang sama yang seringkali berputar-putar di dalam fikiran saya, saya pergi berjumpa dengan Rev. J. Sapulete, dekat gereja Bethel di Jatinegara. Dia bersedia untuk membaptis saya, tetapi dengan satu syarat bahawa saya harus membawa dua atau tiga jiran Kristian, yang boleh membimbing pertumbuhan keimanan saya supaya saya boleh hidup secara Kristian. Saya tidak dapat menerima syarat ini, saya masih lagi tidak mahu mengumumkannya di khalayak ramai bahawa saya seorang Kristian. Ini berpunca daripada pengaruh persekitaran, terutamanya keluarga saya. Saya merasa risau yang mereka akan menentang dan menganiaya ahli keluarga saya. Saya juga takut untuk bertanyakan pada isteri saya untuk mengikuti saya pergi ke gereja. Saya takut jika isteri saya akan menuntut saya untuk pergi ke pejabat rasmi perkahwinan Islam untuk bercerai. Saya sangat takut untuk berhadapan

dengan proses perceraian .Sebab itu saya mahu menerima Isa secara rahsia.Tetapi jiwa saya tidak bersetuju,saya tidak ada apa-apa keraguan tentang penerimaan Isa. Oleh itu saya tidak lagi melakukan dua tanggungjawab keagamaan. Saya hanya pergi ke gereja.Tetapi ketakutan masih lagi berterusan dan kebimbangan mengenai reaksi keluarga saya.Saya tidak tahu bagaimana untuk mengatasinya.Saya tidak pergi jumpa sesiapa pun untuk meminta nasihat bagi masalah saya ini.Pada masa itu saya rasakan bahawa perjuangan saya betul-betul teruji. Walau bagaimanapun Tuhan memberi masa untuk membantu mengatasi masalah saya ini. Dahulunya saya menganggap jika saya berbincang dengan isteri saya tentang hal ini dan keluar Islam dan seterusnya memeluk Kristian akan menyebabkan masalah kepada kami..Tetapi Tuhan sangat baik hati, membuka pintu kebenarannya kepada isteri saya sendiri.Dia merasa aman melalui cahaya dan kecantikan pokok Krismas yang mana pada masa itu bercahaya dengan terang di kebanyakan rumah orang Kristian.Ia menjadi tanda kepadanya bagaimana cantiknya kehidupan di dalam keluarga Kristian.Dia merasa aman dengan lagu-lagu Kristian dan hangat serta bercahaya dengan semangat Krismas.

Untuk menjelaskan perasaannya,dia dan seorang anak perempuan saya datang kepada saya,untuk memberitahu saya tentang keinginan yang kuat untuk menjadi seorang Kristian.Ini adalah peluang yang sedang saya nanti-nantikan!Pada hari berikutnya selepas Krismas,saya berjumpa dengan Rev.J.Sapulete untuk kali kedua, bertanya kepadanya bahawa saya dan keluarga saya mahu dibaptiskan dan menerima Isa sebagai Tuhan kami.Permintaan saya diperkenankan dengan segera dan kami -yakni saya,isteri saya dan tujuh orang anak kami telah dibaptiskan pada 26 Dis 1969 oleh Rev.J.Sapulete,di gereja Bethel Jemaat GPIB.Satu minggu kemudian anak lelaki saya pun menuruti kami.Dia juga sering pergi ke gereja secara rahsia, kerana dia takut saya mendapat tahu.Saya sendiri pergi ke gereja secara rahsia juga, sebab saya takut isteri-isteri ahli keluarga saya telah menjadi pengikut-pengikut 'Isa dan demi itu mempengaruhi hati kami.

Anugerah Berkat Tuhan yang Berkelimpahan Selepas saya dan keluarga saya dibaptiskan pada 26 Disember 1969, keriang dan kegembiraan seluruh isi rumah saya telah bertukar.Kami menerima terlalu banyak berkat-berkat Tuhan yang mencurahi hidup kami. Pengikut Paulus berkata: "Apabila seseorang masuk ke dalam Al-Masih,dia menjadi insan yang baru, yang lama telah pergi dan yang baru sudah menyusul ".(2 Kor 5:17) Apabila seseorang menerima Al-Masih 'Isa sebagai penyelamatnya,Tuhan akan mengubah kehidupannya.Bayangan Kristus akan menjadi ikutannya.Al-kitab berkata: "Tuhan mencipta manusia berdasarkan gambarnya"(Kej 1:27).Kelakuan baru ini akan bermula dengan keriang yang baru,kasih dan keinginan yang berbeza.Apa yang dahulunya dia sayang,kini dia benci,dan apa yang dahulunya dia benci,kini bertukar menjadi sayang.Kehidupannya telah berubah.Perubahan ini amat ketara,dan dapat dilihat oleh orang di sekelilingnya.Jalan kehidupannya akan bertukar,dan perubahan ini akan dibawa dalam setiap perkataan yang dia ucapkan.Betapa hebatnya! Saya mempunyai pengalaman dalam perubahan ini dan mereka dapat rasa dalam kehidupan kami sekeluarga.Panas baran sudah lenyap dan berubah kepada sayang.Dalam kehidupan kerohanian,kami merasa aman dan gembira.Kami tidak merasa ragu-ragu dan jiwa kami terjamin dan penuh dengan keriang.

Bahkan di dalam kehidupan seharian,kami mendapat keberkatan yang berkelimpahan.Ini adalah pengalaman yang membuktikan kebenaran janji Tuhan bahawa telah digenapi oleh 'Isa Al-Masih,utusanNya. "Barangsiapa haus,baiklah ia datang kepadaKu dan minum!Barang siapa percaya kepadaKu,seperti yang dikatakan oleh kitab suci:dari dalam hatinya akan mengalir aliran-aliran air hidup."(Yahya 7:37-38)

"Aku datang supaya mereka mempunyai hidup dan mempunyai dalam segala kelimpahan."(Yahya 10:10b) Perubahan di dalam kehidupan isi rumah kami amat ketara dan berlaku dengan pantas di mana kami menjadi ejekan.Jiran tetangga dan saudara mara berpendapat bahawa kami telah menerima pertolongan daripada gereja sebagai ganjaran kerana menjadi Kristian.Orang ramai mengutuk kami dengan berkata:"Jika kamu ingin menjadi kaya dengan cepat,ikutlah cara en.Ambrie dan menjadi Kristian dan kamu akan mendapat berjuta-juta rupiah daripada gereja."Mereka menyangka bahawa kehidupan kami diberkati melalui pemberian daripada gereja sebagai sogokan kerana menjadi Kristian.Tidak,bukan kerana itu!Kami tidak menerima sebarang pertolongan dari gereja atau dari sesiapaupun sebagai balasan kerana kami menerima Kristus.Kami tidak menerima duit,harta benda atau janji peluang pekerjaan walaupun satu sen pun.Sememangnya keberkatan kehidupan kami pada masa itu hanyalah melalui kemurahan hati Tuhan.Ini adalah janji Tuhan bahawa semua orang yang mempercayainya akan memperolehi keberkatan yang berkelimpahan.

Tahun-tahun yang tidak aktif.

Saya menjadi Kristian yang tidak aktif bermula dari tahun 1970-1972.Saya sibuk mengendalikan urusan perniagaan saya dan membantu keluarga saya.Saya hanya pergi ke gereja pada hari Ahad dan membaca Al-kitab bila saya ada masa.Tuhan menyalahkan saya kerana bersikap sedemikian.Saya merasa sangat jelas apabila pada waktu itu Tuhan memberi amaran kepada saya: "Jika kamu mahu menjadi kristian,ia tidak cukup dengan bersikap pasif.Ia tidak akan berkembang jika kamu duduk sahaja.Bergembiralah dengan keberkatan Tuhan yang melimpahi hidup kamu.Sebagai orang Kristian iaitu pengikut Kristus,kamu mesti bangun dan memberitahu kesaksian kamu dengan jelas mengenai Al-

kitab sepertimana Kristus telah memerintahkannya di dalam Matius 28:19-20) Bagaimana saya hendak memulakan dalam memberikan kesaksian secara terbuka dan memberitahu tentang Al-kitab dengan cara paling mudah difahami? Sememangnya saya ingin melakukannya, tetapi saya tidak tahu bagaimana cara hendak memulakannya. Untuk ini, Tuhan telah membuka jalannya: dan ini adalah jalan yang bagaimana Tuhan tunjukkan; Suatu hari kawan baik saya datang dari Banjarmasin untuk menghabiskan waktu malamnya bersama kami. Dia adalah kawan yang sebenarnya mengikut erti perkataan. Dia tetap berdiri bersama dengan saya dalam keadaan susah ataupun senang. Apabila penangkapan dilakukan oleh askar-askar Belanda, kami selalu berjumpa antara satu sama lain di dalam penjara ataupun di dalam khemah banduan. Kami menyambutnya seperti biasa, di dalam rumah kami tidak terdapat tanda ketara yang menunjukkan bahawa kami telah memeluk agama Kristian. Apabila dia mengucapkan "Assalamualaikum", dan kami menjawab "Walaikumussalam". Kawan baik saya ini telah mendengarnya daripada jiran-jiran bahawa saya telah memeluk Kristian. Dia menerangkan bahawa hal ini tidak mungkin terjadi, dan telah menyakinkan kepada jiran saya tentang ini. Dia memberitahu mereka,"

Sudah lama saya kenal kawan saya Hamran Ambrie, bukan sahaja di Jakarta bahkan di Banjarmasin lagi. Dia bukanlah seperti kebanyakan Muslim yang lain, dia sangat risau tentang keimanannya. Di dalam wilayah dia dikenali sebagai pejuang tentera Muslim, dia adalah anti-Kristian, seorang daripada pemimpin Muhammadiyah, pemberita Muslim dan guru Islam yang terkenal di bandar dan di timur Kalimantan. Lebih-lebih lagi di kongres Islam di seluruh Kalimantan dalam Amuntai 1947, Hamran Ambrie adalah merupakan salah seorang daripada penganjurnya. Di dalam ketenteraan kebangsaan Indonesia, dia telah menjadi ketua guru-guru Muslim dalam pasukan tentera di Banjarmasin. Jadi saya yakin bahawa Hamran Ambrie tidak begitu mudah untuk menukarkan agama Islamnya kepada agama Kristian." Tetapi jiran saya telah menyakinkan dia bahawa untuk beberapa tahun ini, orang di dalam kampung saya telah biasa melihat saya pergi ke gereja lazimnya dan menyediakan pokok Krismas semasa hari Krismas. Mereka memberitahu dia supaya bertanya kepada saya secara terus untuk mendapat kepastian selanjutnya. Jadi dengan segera dia datang ke rumah saya untuk melawat, dan terus bertanya kepada saya samada berita yang mengatakan saya menjadi Kristian itu benar atau tidak? Saya menjawab soalan itu tanpa sebarang keraguan: "Ya, ia adalah benar dan saya serta seluruh keluarga saya telah dibaptiskan." Mendengar jawapan saya dia menangis terisak-isak. Dia meminta maaf kerana dia sangat menyesal datang ke tempat itu. Tetapi dia tidak berbuat apa-apa dan berdiri kehairanan untuk beberapa ketika. Selepas dia kembali ke Banjarmasin, dia memberitahu orang lain, khususnya kawan baik saya tentang pemelukan agama saya kepada Kristian. Berita tentang kejadian ini telah dimasukkan di dalam akhbar harian UTAMA yang diterbitkan di Banjarmasin oleh kawan baik saya yang lain, yang merupakan seorang pemberita Muslim.

Dalam tajuk utama H. Arsyad Maran menulis: PENGASAS TERKENAL GERAKAN MENJADI KRISTIAN - Pengasas terkenal Muhammadiyah zaman 30-an, dia juga merupakan salah seorang ketua editor JIHAD. Js Antemas menulis diantaranya: PERTUKARAN AGAMA PENGASAS MUHAMMADIYAH KEPADA KRISTIAN

Satu berita yang mengemparkan! Pemberita IAIN Arthum Artha berharap: "kami harap berita ini adalah benar, kepercayaan Hamran Ambrie, pengasas kemerdekaan masih lagi di dalam persoalan." Orang Muslim di Banjarmasin juga memberi sambutan yang kurang menyenangkan terhadap berita ini: "Masalah ekonomi baru-baru ini telah membuatkan seseorang bertukar agama." Nama orang muslim ini tidak dinyatakan. Bahkan Universiti IAIN Antasari juga memberi tindakbalasnya terhadap berita pertukaran agama saya ini. Sementara itu setiausaha PMW (Muhammadiyah) di Banjarmasin cuba untuk menyangkal bahawa saya adalah penubuh Muhammadiyah, tetapi memberitahu bahawa saya hanya sebagai pejuang Islam. Semua berita tentang keKristianan saya yang telah diterbitkan di dalam akhbar adalah bertujuan untuk membuat saya rasa malu, dan di sebaliknya mereka mengharap agar saya kembali kepada Islam. Tetapi kehendak mereka adalah berbeza dengan kehendak Tuhan. Allah menggunakan mereka sebagai satu cara untuk membangunkan iman saya supaya menjadi seorang pengikut 'Isa yang kuat imannya dan memberi kesaksian tentang hakikat 'Isa Al-Masih adalah daripada Tuhan. Hampir dua bulan peristiwa 'pertukaran saya kepada Kristian' menjadi tajuk perbincangan umum dan tajuk utama di dalam akhbar Harian UTAMA di Banjarmasin. Saya mendapat berita bahawa pertumpahan darah juga hampir berlaku. Sesetengah daripada kawan saya menganggap bahawa berita ini adalah suatu fitnah dan bersedia untuk menyerang para penulis. Mujurlah dengan segera saya telah menulis "surat terbuka"-pernyataan saya sendiri mengenai pengakuan tersebut - kepada akhbar harian UTAMA di Banjarmasin, yang telah diterbitkan seperti di bawah:

SURAT TERBUKA

Untuk Pembaca harian UTAMA

Assalamualaikum

kepada Tuan: Saya dengan ini memberitahu bahawa berita itu adalah benar dan saya sekarang menjadi pengikut

kepada agama Kristian Protestant dan saya telah menukarkannya semenjak 1964 lagi. Berita di dalam akhbar itu sangat menarik kerana ia menggambarkan saya sebagai penubuh Islam atau pejuang kepada kebebasan. Saya berterima kasih kepada semua tindak balas dan penghargaan itu yang mana kawan saya telah menunjukkannya kepada saya. Walaupun sehingga saat ini, saya tidak pernah merasa dan tidak pernah mengumunkan diri saya sebagai penubuh Islam ataupun pejuang kebebasan. Jika waktu lepas saya melibatkan diri dalam perjuangan sebagai penulis oleh kawan saya. Ia adalah tidak lebih daripada tanggungjawab seorang anak terhadap ibu pertiwinya. Dengan itu saya menjadi pengikut dan tidak bertanya akan sebarang gelaran kepada jawatan tersebut samada sebagai veteran ataupun sebagai pengasas kemerdekaan. Saya hanyalah melakukan tanggungjawab saya sahaja. Terima kasih kepada semua kawan saya, khususnya H. Arsyad Maran (saya tidak menerima surat kamu), JS. Antenas dan Arthum Artha dan penulis yang menulis surat kepada saya sebagai satu kewajipan. Tidak ada apa-apa daripada surat anda yang boleh saya sangkalkan atau memberi tindak balas yang bertentangan melainkan pembetulan. Saya tidak pernah meminta sebarang bentuk gelaran sebagai tanda bagi pengasas kemerdekaan. Kepada Arthum Artha, saya ada menghantar "nota keimanan" yang menjadi asas kepada saya dalam ketaatan saya kepada agama Kristian Protestant. Apa pun yang berlaku kawan tetap kawan dan hubungan persahabatan yang baik tidak boleh diputuskan. Terima kasih kepada kamu semua kerana mengambil berat tentang hal ini. Â Â Â Â Â Â Â

Yang Benar,

Â Â Â Â Â Hamran Ambrie Â Â Â Â Â 6 Mei 1972, Jakarta.

Â

**BERMULANYA MEMBERI KESAKSIAN DALAM KEHIDUPAN KRISTIAN SECARA AKTIFÂ**

Â Â Â Selepas penerbitan "surat terbuka" di atas, banyak surat yang diterima daripada kawan-kawan saya di Banjarmasin dan Hulu Sungai, semuanya dalam nada penyesalan, disertai dengan nasihat dan amaran daripada ayat Al-Quran. Juga terdapat surat yang menanyakan tentang peristiwa-peristiwa susulan yang telah membimbing saya untuk saya memeluk Al-Masih 'Isa serta InjilNya. Ini adalah permulaan bagi saya untuk bangun dan memberi kesaksian saya dengan jelas. Pertamanya saya membalas setiap surat secara peribadi dengan mesin taip. Setiap surat disertai dengan keterangan iaitu "-nota keimanan". Ia menjadi lebih mengalakkan, jadi saya telah menerbitkan satu esei tentang "TUHAN ALLAH, AL-MASIH 'ISA DAN ROH KUDUS" yang mana telah dicetak. Keluaran seterusnya yang telah diterbitkan ialah tentang "KRISTOLOGI DAN AJARAN KEESAAN TUHAN", yang telah disempurnakan pada tahun 1973. Akibatnya banyak surat dalam bentuk pertanyaan dan simpati diterima, dan terdapat juga surat di dalam bentuk perbincangan dalam mencari kebenaran. Lebih-lebih lagi terdapat beberapa majalah Islam yang telah diterbitkan di Jawa yang menyerang kepercayaan saya. Oleh kerana rencana itu, banyak lagi surat telah dikirimkan kepada saya. Surat-surat yang saya terima datang dari seluruh pelusuk di Indonesia termasuk Banjarmasin dan dari kawasan Islam di Jawa Barat, Jawa Tengah, Jawa Timur dan juga dari Sumatera yakni Palembang, Medan, Padang, Aceh, bahkan juga daripada negara luar - Arab dan Malaysia. Ini adalah petunjuk daripada Tuhan bahawa saya harus berdiri teguh dan memberi kesaksian semulajadi saya. Hubungan ini berlanjutan lebih daripada enam bulan. Pelbagai masalah tentang Kristian telah dibincangkan. Beberapa soalan dan juga jawapan, saya telah menyusunnya di dalam buku dan menerbitkannya sebagai dokumentari kebenaran:

1.Â Perbincangan dengan H.M. Yoesoef Sou'yb, penulis Muslim dari Medan (Penolong kepada  
Â Â Â Â Editor Majalah Kiblat di Jakarta)

2.Â Perbincangan dengan Samudi, (Guru agama Islam di Salatiga)

3.Â Perbincangan dengan Imam Musa Projosiswoyo, (editor Majalah studi Islam  
Â Â Â Â di Jakarta)

4.Â Perbincangan dengan Wahyono Hadi (Darul Kutubil Islamiyah Jakarta)

5.Â Perbincangan dengan Ali Ya'kub Matondang, (Pelajar IslamÂ di Cairo, Arab)

6.Â Perbincangan dengan A. Hasan Tao, (Penceramah Jemaat Islam Ahmadiyah Indonesia di  
Â Â Â Â Denpasar Bali)

7.Â Perbincangan dengan Ezif Fahmi dan lain-lain (Kumpulan Pelajar Islam di Surabaya)

8.Â Perbincangan dengan M.A. Fadly, (Ketua Masjid Agung, Masjid tengah, Cimahi-Bandung)Â

Â Sehingga pada tahun 1979, saya membalas hampir ribuan surat daripada saudara-saudara yang berketurunan Muslim yang datang dari semua bahagian dan seluruh pelusuk Republik Indonesia. Setiap hari kedatangan surat ini telah mengalakkan saya. Mereka menunjukkan bahawa penulis memandang ke arah kebenaran, dan mereka merasa berpuashati selepas saya memberi keterangan kepada mereka. Puji Tuhan Alhamdulillah! Bahkan terdapat sesetengah daripada mereka yang datang melawat saya secara peribadi. Saya lihat betapa banyaknya perhatian yang telah

diberikan terhadap 'pertukaran saya' dan untuk mencari kebenaran, dengan itu saya mengatur masa yang khas untuk pelawat-pelawat bagi perundingan tentang kepercayaan dan kebenaran Nasrani Kristian, iaitu setiap hari Selasa, Khamis dan Sabtu, yang bermula dari pagi hingga ke petang. Puji Tuhan untuk semua ini. Dia menggunakan saya sebagai jalan perantaraan dan alat-Nya untuk menerangkan kebenaran di dalam Al-Kitab dan Injil bahawa 'Isa Al-Masih itu adalah daripada Tuhan, khususnya untuk saudara-saudara Muslim saya, dengan harapan bahawa mereka akan memahami Al-Masih 'Isa dan InjilNya secara betul. Di luar jawapan dan persoalan serta penyangkalan ini, saya merasa bahawa ketidak-fahaman dan banyak salah tafsiran terhadap Al-Kitab, Kitab Suci Injil dan Al-Masih 'Isa yang daripada Tuhan akan segera dapat dibetulkan dengan penjelasan yang terang dan berwibawa.Â

## Â BERMULANYA PELAYANAN DI LUARÂ

Â Semenjak 1973 hingga Februari 1978, saya memberi kesaksian saya hanya di atas meja saya sahaja, dengan membalas surat-surat yang menyoalkan tentang keKristianan. Saya menerbitkan jawapan untuk surat-surat ini sebagai dokumentari kebenaran. Tetapi di dalam bulan Februari 1978 saya berdoa: "Oh Tuhan, tolong berikan pergerakan-Mu dalam bidang yang baru, kerana bidang saya ini yang cuma berbincang melalui surat seperti sudah hampir kegersangan." Berdoa untuk ini, saya seterusnya mendapat jawapan di dalam hati saya bahawa keesokan harinya saya harus keluar daripada rumah saya, dan daripada sana saya akan mencari bidang baru. Pada awal pagi keesokan harinya, saya keluar daripada rumah saya tanpa mengetahui jalan mana yang harus saya pergi. Apabila saya telah sampai ke jalan utama, saya berdoa kepada Tuhan agar Dia menunjukkan arahan jalan mana yang patut saya pergi. Jiwa saya memberitahu saya bahawa saya harus pergi ke utara. Oleh kerana saya tidak tahu arah sebenarnya, saya cuma berjalan keluar. Saya tidak mengambil mana-mana kereta, mobil ataupun bas. Apabila saya sampai di depan pejabat Institut Al-Kitab di Indonesia, Tuhan telah memberitahu saya agar saya masuk ke pejabat itu. Saya merasa ragu-ragu kerana saya tidak kenal sesiapa pun.

Di sana terdapat Rev. B. Probowinito, tetapi dia telah berpindah ke Salatiga. Saat ini jika saya masuk ke pejabat itu, dengan siapa saya harus bercakap, dan apa yang patut saya katakan? Tetapi jiwa saya mendesak saya supaya saya masuk ke dalam pejabat itu, lalu saya masuk ke dalam pejabat itu. Salah daripada seorang kawan telah melihat saya masuk ke pejabat itu dan mengenali saya, dan tiba-tiba dia memanggil saya: "En. Ambrie, Puji Tuhan, petunjuk apa! Setiap orang ingin berjumpa dengan kamu." Dengan segera kami membuka perbualan kami. Kemudian saya berjumpa dengan Rev. M. K. Tjakraatmadja, yang telah mendengar tentang saya dan ingin berjumpa dengan saya. Saya telah diberkati dengan pertukaran ini. Mereka ingin menyokong kerja-kerja penulisan saya. Saya kagum jika ini adalah cara/bidang baru tetapi mengambil keputusan bahawa ini adalah bukan. Saya mahu pulang ke rumah tetapi jiwa saya mendesak saya supaya meneruskan perjalanan saya ke utara. Saya berjalan sehingga saya berdiri di depan pejabat Kramat V. Jiwa saya memberitahu agar saya masuk dan berjumpa dengan Rev. Dr. Ais M. O. Pormes. Saya kagum bagaimana mungkin saya boleh bercakap dengan Rev. Pormes, sedangkan saya tidak kenal dia dengan baik.Â dan kami bukannya kepunyaan organisasinya. Kami pernah bertemu sebelum ini, tetapi sudah tiga tahun yang lepas. Tetapi Roh Kudus telah membisik dihati saya, saya terus masuk ke dalam Kramat V. Sebelum saya masuk ke pejabat itu, saya masih lagi keraguan. Sebelum ini, Rumah ini penuh dengan hamba Tuhan, tetapi sekarang agak senyap. Barangkali Rev. Pormes sudah pindah. Bagaimana pun Rev. Pormes telah melihat saya, dia datang ke depan pintu untuk menjemput saya, dan berkata: "Wahai En. Ambrie! Sememangnya semenjak kelmarin lagi, saya banyak berfikir tentang kamu dan ingin berjumpa dengan kamu di sana kerana saya ada sesuatu untuk berbincang dengan kamu. Saya mengharapkan kamu-barangkali kita boleh bekerjasama dengan satu sama lain." Saya hampir terkejut. Bagaimana boleh Rev. Pormes mengingat saya? Kami tidak pernah berkenalan secara mendalam sebelum ini. Tetapi saya teringat doa saya pada hari yang lepas. Mungkin Roh Tuhan yang memimpin diri saya untuk masuk ke bidang baru di sini. Dalam perbualan itu terdapat beberapa perkara yang menyegarkan hati saya dan perasaan saya. Rev. Ais Pormes mengharap saya agar saya bekerja bersama dengannya di dalam melayani Tuhan. Juga dia mengambil berat tentang kesihatan saya yang mana pada waktu itu tidak beberapa baik. Akhirnya Rev. Pormes memberitahu saya untuk mengambil suratnya.Â yang datang daripada M. K. Sinaga, pengarah BumiAsih di Jalan 4, Solo. Saya melihat surat itu dan memegangnya. Dari rumah K. M. Sinaga, saya memohon untuk pergi ke Hotel Indonesia pada hari Jumaat, dan dia berkata bahawa beberapa guru di sana mahu berjumpa dan mengenali saya. Pada pagi Jumaat, 24 Feb 1978, saya pergi ke Hotel Indonesia, untuk perjumpaan kumpulan berdoa oleh ahli-ahli perniagaan Kristian di Jakarta, yang dikenali dengan nama "C.B.M.C" Saya seolah-olah telah diperkenalkan kepada mereka dan mereka telah mengetahui nama saya sebelum ini dan mereka ingin berjumpa dengan saya secara peribadi pada hari itu. Bermula dari hari itu saya telah dijemput untuk berkhidmat dalam beberapa perjumpaan di rumah yang mana telah mendorong saya untuk bekerjasama dengan pelayanan gereja. Saya telah memberikan kesaksian saya pada semua.Â gereja di sekitar Jakarta dan Bandung. Sehingga sekarang saya juga membuat pelayanan di luar Jakarta juga, melawat selatan Kalimantan, (Banjarmasin, Amuntai), dan Kalimantan tengah, (Palangkaraya), Jawa Timur, (Surabaya dan Malang), Bandung dan lain-lain lagi. Ini merupakan jalan dan bidang baru bagi saya. Saya meneruskan pelayanan saya dengan penuh kepercayaan, mengkhabarkan utusan Kitab Suci Injil Al-Masih melalui pelbagai macam perjumpaan dan kesaksian yang berlainan. Walaupun sekarang saya telah mendapat bidang baru dalam bentuk pelayanan di luar dari rumah saya, perbincangan melalui perutusan, tidak pernah berhenti bahkan semakin bertambah. Puji Tuhan!



Semua surat itu telah memberkati saya dan saya telah dapat menjawab pelbagai jenis pertanyaan dengan jayanya! **Â TUHAN MEMPERLUASKAN PELAYANAN SAYA** **Â** Pada 13 Mei 1979, dengan jemputan para penulis, saya telah diminta untuk menyampaikan ceramah di Masjid Darussalam, Jln Batanghari, Jakarta, Di hadapan perkumpulan pemuda-pemuda Muslim yang mana telah terlibat dengan Lembaga Pengajian Islam Al-Furqan. Tajuk perbincangan ialah : "Isa Al-Masih adalah daripada Tuhan". Ketua perdebatan itu ialah Drs. Abunyamin Roham dan Sany Ardi. Para hadirin yang menghadiri perbincangan itu adalah sekitar 100 orang, yang terdiri daripada pelajar dan juga guru-guru Islam. Hanya saya sendirian yang datang untuk memberikan jawapannya. Perbincangan ini berakhir dengan keadaan yang baik. Perbincangan persahabatan ini diakhiri dengan berjabat salam. Pada 22 Julai 1979, ceramah ini disambung di antara saya dengan beberapa pemimpin Islam daripada majlis Ulama' (Muslim Theologian Council). Tajuk perbincangan ialah "Kekuasaan Tuhan-satu dalam Trinit?". Terdapat 10 orang yang menyertai perdebatan itu, di antaranya daripada mereka ialah Professor Dr. H.M. Rasyidi, Drs. Bunyamin Rohan, Dr. Tagor dan Dr. Asmuni. Pengacaranya ialah Dr. Marmansyah Rahman. Pelawatnya adalah dalam sekitar 150 orang yang terdiri daripada pemimpin-pemimpin dan guru-guru Islam, dan juga orang bijak pandai. Dua bulan selepas 15 Ogos, saya telah pergi melawat beberapa tempat di luar kawasan Jakarta di Barat dan juga Timur Jawa. Pada 1 September, saya telah berpeluang memimpin pelayanan Injili dan Kitabiah dan juga telah melawat Menado, Unjung Pandang, Tanah Toraja, Palopo, Balikpapan, Banjarmasin dan juga Kapuas, sambil memberikan kesaksian saya. **Â**

## **Â PENUTUP**

**Â**

Penyelamatan adalah amat penting untuk setiap orang. Penyelamatan untuk diri sendiri, penyelamatan untuk keluarga, keselamatan harta benda dan berbagai jenis keselamatan yang lain. Semuanya ini telah menjadi sasaran utama di dalam kesejahteraan kehidupan. Seseorang yang beragama, penyelamatan adalah tidak terhad kepada kehidupan duniawi sahaja, ia termasuklah keselamatan Rohnya daripada pengaruh dosa kepada kebebasan. Penyelamatan Rohnya ada berhubungkait rapat dengan hakikat kasih-sayang, yang mana merupakan asas kehidupan Syurgawi. Katakan Adam dan Hawa tidak terjerumus ke dalam lembah dosa, manusia masih lagi mempunyai kehidupan yang kekal. Tetapi oleh kerana akibat-akibat dosa yang menyusul dari Adam dan Hawa, yang telah melanggar larangan Tuhan. Manusia Adam dan Hawa telah tersisih daripada peluang mereka untuk kehidupan kekal dan terjerumus ke dalam lembah terpisah dari kesejahteraan ilahi. Ajal terakhir bagi keadaan ini adalah kematian dan maut. Isa Al-Masih pernah bersabda : "Tetapi Aku datang supaya manusia mendapat hidup iaitu hidup yang berkelimpahan." (Yahya 10:10) "Ajarlah mereka mentaati apa yang sudah Aku perintahkan. Ingat, Aku akan sentiasa menyertai kamu sehingga ke akhir zaman." (Mat 28:20) **Â** Malaikat memberitahu pengikut Al-Masih 'Isa: "Hai orang Galilea, mengapa kamu berdiri menengadah ke langit? Al-Masih 'Isa yang kamu lihat terangkat ke Syurga, akan kembali lagi dengan cara yang sama seperti yang kamu lihat tadi." (Kis 1:11) Dalam satu perkara Al-Masih 'Isa sendiri berkata: "Barulah Anak Manusia akan kelihatan datang dikelilingi awan dengan kekuasaan dan kemuliaan yang **Â** besar." (Luk 21:27) **Â** **Â** Kedatangan kedua 'Isa Al-Masih bukan sahaja diberitahu di dalam Al-Kitab, malah kebenaran ini disokong dan dipercayai juga oleh para Muslim sebagaimana yang kita baca di dalam Hadith Sahih Muslim, di dalam rujukan 127, terdapat kenyataan tentang kedatangan Al-Masih 'Isa sebagai Hakim yang adil dan benar. **Â** Terdapat 4 janji yang akan menyusul kepada anak-anak Tuhan:

**Â**

1. **Â** **Â** **Â** **Â** **Â** **Â** Kehidupan kekal di Syurga dan kehidupan yang lebih mulia daripada Adam dan Hawa yang merupakan ciptaan asalNya. Dalam usaha untuk mendapatkan kehidupan yang kekal dan keselamatan di Syurga, manusia mesti percaya kepada 'Isa Al-Masih dan menjadi pengikut yang taat serta dibaptiskan.
2. **Â** **Â** **Â** **Â** **Â** **Â** Kehidupan sepenuhnya, Roh, fizikal seperti keperluan material, diperolehi dalam bentuk anugerah kerahmatan dari Syurga.
3. **Â** **Â** **Â** **Â** **Â** **Â** Pengikut Al-Masih 'Isa tidak akan kekurangan sesuatupun tetapi akan sentiasa digenapi dengan berkelimpahan.
4. **Â** **Â** **Â** **Â** **Â** **Â** Roh Allah atau Roh Kudus akan sentiasa berkekalan dalam setiap orang yang mengaku Kristus, dan menjadi pengikut setiaNya, selama-lamanya sehingga ke Hari Kiamat.

Dengan sebab inilah membenarkan saya untuk memberikan pilihan kepada Anda, Para pembaca yang dikasihi: **Â** **Â**

Buatlah keputusan anda sekarang! Ambil keputusan untuk menerima janjiNya dan bersedia untuk diselamatkan. Terimalah **Â** 'Isa Al-Masih di dalam hati anda secara iman, jadilah kehidupan baru, anda akan sentiasa terjamin dan **Â** damai sejahtera di dalamNya. Jadi kita boleh hidup bersama-sama dengan Tuhan untuk selama-lamanya. **Â** Jangan lepaskan peluang ini. Jangan tunggu sehingga esok. Lakukan apa yang patut anda lakukan hari ini. Esok mungkin sudah

terlewat. Pintu bertaubat mungkin akan ditutup dan anda akan hidup dalam penyesalan dan menanggung penderitaan untuk selama-lamanya. Datang dengan hati yang benar, dan terimalah 'Isa Al-Masih sebagai Rabbi anda dan Penyelamat pribadi anda supaya anda boleh memasuki pintu keselamatan di Surga untuk selama-lamanya. Amen